



MEDIA RELEASE

PROJEK MRT MENGHAMPIRI PAKEJ AKHIR DENGAN BERMULANYA PEMBINAAN JEJAMBAT DARI TAMAN MESRA KE KAJANG

UEM Construction memulakan kerja untuk pakej Jejambat V8

Kuala Lumpur, 16 November 2012: Kerja-kerja pembinaan pakej jejambat V8 bernilai RM951 juta untuk laluan MRT Sungai Buloh – Kajang (SBK) dimulakan pada November 2012 oleh kontraktor pakej UEM Construction Sdn. Bhd., sebuah subsidiari UEM Builders Berhad.

Pakej V8 diberikan kepada UEM Construction Sdn. Bhd. pada September 2012. Syarikat diberi tanggungjawab membina laluan jejambat MRT serta kerja-kerja lain yang berkaitan bermula dari Taman Mesra ke stesen Kajang dengan kerja-kerja pembinaan dijangka siap pada Disember 2016.

Encik Amir Mahmood Razak, Pengarah Perhubungan Strategik dan Perhubungan Awam, MRT Corp, berkata, “Pelaksanaan kerja-kerja pembinaan pakej V8 menandakan satu lagi pencapaian projek di mana ia merupakan pakej terakhir bagi laluan SBK sepanjang 51km. Kini kita semakin menghampiri tarikh sasaran untuk menyediakan perkhidmatan MRT kepada para penduduk di Lembah Klang. Pembinaan pakej V1 hingga V7 kini sedang berjalan lancar manakala pembinaan pakej V8 baru sahaja dimulakan. Kami yakin dengan kepakaran dan sumber yang ada, UEM Construction dapat menyiapkan pakej V8 mengikut jadual serta kos yang ditetapkan.”

“Kerja pembinaan jejambat adalah sejauh 6.4km termasuk cabang laluan sejauh 1.8km ke Depot Kajang. Laluan utama akan menghubungkan tiga buah stesen MRT iaitu stesen Saujana Impian, Bandar Kajang dan Kajang. Kerja pembinaan akan bermula dari Plaza Tol Bt.11-Lebuhraya Grand Saga melalui bandar Kajang, melintasi Sungai Langat dan menyusuri Jalan Reko sebelum berakhir di stesen Kajang, berhampiran dengan stesen KTM Komuter. Laluan cabang ke Depot Kajang akan dibina sebelum stesen Saujana Impian.” tambah Encik Amir.

“Kami bangga dapat menjadi sebahagian daripada projek prasarana terbesar negara dan dengan rekod cemerlang kami dalam pembinaan lebuhraya, jambatan dan rel kereta api, kami yakin dapat menyiapkan laluan ini mengikut jadual yang ditetapkan. Kami juga berharap dapat membuka peluang kepada para kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera lain untuk membantu kami menyiapkan laluan ini,” kata Encik Mohd Razin Ghazali, Pengarah Urusan UEM Builders Berhad.



“Kami bertanggungjawab memaklumkan kepada orang ramai tentang projek ini dan kami akan berusaha untuk mengurangkan gangguan dalam kehidupan harian mereka ketika kerja-kerja pembinaan dijalankan. Pasukan Pengurusan Trafik yang cekap serta Pasukan Respons Kecemasan 24 jam sentiasa bersedia untuk membantu orang awam. Kami turut menyediakan talian hotline 24 jam untuk orang awam selain menyediakan notis pemberitahuan awal melalui media tentang sebarang penutupan serta lencongan jalan,” tambah Encik Mohd Razin.

Sebanyak 85 buah pakej kerja telah ditawarkan oleh MRT Corp sejak projek MRT bermula. Sehingga kini, sebanyak 53 buah pakej kerja telah diberikan kepada syarikat-syarikat yang layak dengan nilai berjumlah RM19.8 bilion. Baki 32 buah pakej lagi dijangka diberikan menjelang hujung tahun ini. Untuk melihat senarai penuh jadual perolehan tender dan tarikh jangka siap pembinaan, sila layari www.mymrt.com.my.

TAMAT

Mengenai Projek MRT

MRT merupakan sebuah sistem pengangkutan rel baharu untuk Lembah Klang. Projek ini merupakan sebahagian daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk Kuala Lumpur/Lembah Klang dan kawasan sekitarnya, di bawah Program Transformasi Ekonomi Malaysia. Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK) adalah sepanjang 51km, bermula dari Sg Buloh di barat daya Kuala Lumpur hinggalah ke Kajang di tenggara Lembah Klang. Apabila siap kelak, projek ini mempunyai sebanyak 31 buah stesen yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk 1.2 juta orang penduduk di sepanjang laluan. Projek ini turut diintegrasikan secara strategik dengan rangkaian pengangkutan yang sedia ada di Kuala Lumpur, iaitu sistem pengangkutan LRT, Monorel dan KTM Komuter, selain laluan bas di dalam dan antara bandar. Projek ini akan memberikan tahap perhubungan yang lebih baik untuk KL dan bandar-bandar sekitarnya selain mengurangkan jumlah kereta yang memasuki ibu negara.

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi:

Edelman

Aina Asraf (aina.asraf@edelman.com)

Devinder Singh (devinder.singh@edelman.com)

Mobile: 019 3137122/ 0193088958